



EPOMS, STATS, Three60, UTP jalin kerjasama strategik

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Mei 11, 2023 @ 8:35pm
zahrin@bh.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif E&P O&M Services Sdn Bhd (EPOMS) Zulkarnain Ismail (tiga, kanan) bergambar bersama selepas selesai majlis menandatangani perjanjian antara EPOMS, Universiti Teknologi Petronas (UTP), STATS (UK) Ltd. (STATS) dan THREE60 Energy Asia Sdn Bhd .

KUALA LUMPUR: E&P O&M Services Sdn Bhd (EPOMS) menjalin kerjasama strategik dengan Stats (UK) Ltd (STATS), Three60 Energy Group (Three60) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) bagi mengembangkan lagi operasi perniagaan ke peringkat global.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif EPOMS, Zulkarnain Ismail, berkata kerjasama itu juga adalah langkah kumpulan dalam meneroka aktiviti perniagaan dan usaha niaga baharu yang bakal mendorong pertumbuhan positifnya dalam jangka masa panjang.

Beliau berkata, EPOMS sangat bertuah dan berbangga mendapat kepercayaan, komitmen dan kerjasama dengan rakan kongsi global STATS dan Three60 Energy termasuk UTP.

"Ini akan membolehkan kumpulan bergerak pantas dalam langkah pengembangannya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

EPOMS adalah penyedia operasi barisan hadapan bersepadu dan perkhidmatan penyelenggaraan untuk semua kemudahan terapung, termasuk saluran paip yang berkaitan sejak 2012.

Kumpulan itu sebelum ini dimiliki oleh E&P Venture Solutions Co. Sdn Bhd (EPVS), anak syarikat

Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) sebelum diambil alih sepenuhnya oleh Janamurni Sdn Bhd.

Sejak lima tahun lalu, EPOMS telah merekodkan pendapatan sebanyak RM300 juta dan menguasai lebih 60 peratus bahagian pasaran dalam aktiviti operasi dan penyelenggaraan (O&M) penyumberan luar di Malaysia.

Zulkarnain berkata, melangkah ke hadapan, EPOMS akan terus meneroka segmen perniagaan penerokaan dan pengeluaran (E&P) di peringkat tempatan dan global.

Beliau berkata, justeru itu kerjasama strategik dengan rakan kongsi utama mampu menyediakan sinergi yang diperlukan.

Ini terutamanya katanya dari segi gabungan keupayaan dan kepakaran ke arah pembabitan EPOMS ke dalam perniagaan E&P.

"Kerjasama dengan UTP akan membolehkan kumpulan menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian teknikal manakala STATS pula adalah bagi memanfaatkan perkhidmatan saluran paip STATS yang menggunakan rangkaian luas dan teknologi khusus termasuk in-line isolation, paip pemanasan, alat pembaikan dan penyelesaian lain.

"Bagi perkongsian strategik dengan Three60, kedua syarikat akan menumpukan kepada penyelenggaraan aset luar pesisir dan mengoptimumkan kitaran hayat aset dengan membawa pengalaman mereka," katanya.